

SULIT

PERCUBAAN SPM 2016

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos

1103/2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
- 2. Jawab semua soalan.*
- 3. Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2(c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
- 4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas A4 yang disediakan. Sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan jika ruangan jawapan tidak cukup.*
- 5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Soalan 1

Rumusan [30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian tulis satu rumusan tentang faktor-faktor jenayah pemerdagangan orang dan implikasinya kepada negara. Panjangnya rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pemerdagangan manusia ialah masalah global yang kian meningkat jumlah kesnya sejak seabad yang lepas. Jenayah ini membabitkan perbuatan eksploitasi pada skala yang besar terhadap wanita, lelaki dewasa dan kanak-kanak dalam bentuk perhambaan moden. Mengikut laporan Amnesty International, pada tahun 2004 dianggarkan 700,000 orang diperdagangkan pada setiap tahun. Amat malang sekali kerana Malaysia dilihat sebagai tempat menarik oleh sindiket permerdagangan manusia untuk menjalankan aktiviti mereka. Usaha kerajaan memerangi aktiviti permerdagangan manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran kerana isu ini merupakan jenayah rentas sempadan. Jenayah ini sukar dikesan kerana melibatkan banyak negara contohnya negara-negara yang berjiran dari segi kedudukan geografinya, Orang yang diperdagangkan direkrut oleh agensi-agensi pekerjaan secara sukarela mahupun secara paksa. Pada mulanya, mereka diperdagangkan kerana telah dijanjikan pekerjaan yang baik di negara yang menjadi destinasi. Mereka juga diyakinkan bahawa aktiviti ini tidak menyalahi peraturan.

Perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menjadi tarikan utama kepada ramai warga asing dari seluruh dunia berhijrah ke negara kita. Kebanyakan mereka yang datang dari Indonesia, Bangladesh, Nepal dan Vietnam telah menjadi mangsa selepas dijanjikan pekerjaan dengan bayaran lumayan sedangkan semuanya palsu. Keadaan ini merancakkan aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Pada masa yang sama kewujudan pusat hiburan yang beroperasi secara haram menyebabkan permintaan yang tinggi kepada aktiviti ini. Hal ini ditambah oleh, kedudukan Malaysia di tengah-tengah negara Asean yang menjadikan antara lokasi strategik untuk aktiviti permerdagangan manusia. Menyedari masalah itu, Akta Antipemerdagangan orang 2007 telah diluluskan tetapi akta ini masih belum cukup kuat untuk menghalang jenayah ini. Selain itu, modus operandi sindiket yang membawa masuk mangsa sukar dikesan oleh pihak berkuasa disebabkan mereka memasuki Malaysia menggunakan pas lawatan sosial atau pas pelajar. Bukan hanya wanita, malahan lelaki dewasa turut diperdagangkan terutama untuk tujuan pengeksploitan buruh. Kanak-kanak dan bayi juga mendapat permintaan yang tinggi bagi aktiviti meminta sedekah.

Selain itu juga, kesedaran dan kefahaman masyarakat Malaysia yang masih rendah tentang isu ini turut menjadi penyebab kepada permasalahan ini. Keuntungan lumayan yang diperolehi oleh sindiket dengan jumlah yang besar hasil daripada aktiviti pemerdagangan manusia juga menyebabkan kegiatan ini terus berleluasa. Kanak-kanak dan bayi diperdagangkan untuk dijadikan anak angkat kepada pasangan yang tidak mempunyai zuriat sendiri. Kemiskinan di negara asal membuatkan mangsa hilang pertimbangan kerana percaya akan janji-janji manis pihak sindiket. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah seperti hukuman yang ringan turut menyebabkan kegiatan yang tidak bermoral ini terus berlaku. Kesimpulannya, sindiket pemerdagangan manusia dilihat **semakin meruncing** dari hari ke hari dan mengugat hak asasi manusia. Kerjasama masyarakat dunia diharap merupakan jalan terbaik bagi membendung jenayah ini daripada terus menjadi barah kepada masyarakat.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana. “
Globalisasi dan Fenomena Pemerdagangan Manusia”,
informasiglobalisasi, blogspot.com, 22 Jun 2015)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *semakin meruncing* [2 markah]
- (ii) Apakah faktor-faktor yang mendorong lelaki dan kanak-kanak diperdagangkan. [3 markah]

Pemerdagangan orang bukan sahaja menjatuhkan imej sesebuah negara terlibat tetapi mendatangkan implikasi negatif kepada semua pihak terutamanya kepada keluarga mangsa. Oleh sebab itu, semua pihak perlu bekerjasama untuk menangani isu ini.

- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah proaktif untuk menangani aktiviti pemerdagangan orang? [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DOKTOR : (*Sambil menghampiri AZMIR. AZMIR kelihatan gusar*). Assalamualaikum.

Saya Doktor Razi. Maafkan saya jika saya mengganggu. Encik Azmir ialah “Sahabat” saya. Saya datang ni nak bawa dia balik ke tempat rehatnya. (*Beralih kepada AZMIR*). Encik Azmir, apa khabar sekarang? Sudah tiga hari Encik Azmir tidak balik ke tempat rehat yang kita sediakan. Rakan-rakan yang lain amat bimbang akan Encik Azmir. Mari kita pulang, ya?

AZMIR: (*Kelihatan takut dan tiba-tiba semacam orang bodoh*). Saya tidak mahu pulang. (*Sambil menggelengkan kepala*). Saya rasa bahagia berehat di sini.

DOKTOR: Saya rasa kita pulang dulu. Encik Azmir perlu berehat sedikit sahaja. Selepas itu, Encik Azmir boleh keluar semula. Kepala pun dah luka semula. Kita balik bubuh ubat dulu, OK?

(*Para pembantu memegang tangan AZMIR untuk dibawa pergi. Dia meronta-ronta tidak mahu pergi*)

AZMIR: Saudara-saudara tolong saya. Orang-orang ini hendak mengurung saya di tempat yang tidak ada kesejahteraan. Saudara-saudara mesti percaya akan cakap saya. Cakap saya semuanya betul. Mereka ini penipu. Cakap mereka manis, tapi dalam hati mereka jahat.

(*Arif dan para pelakon memperlihatkan rasa simpati kepada AZMIR*)

Dipetik daripada “Bukan Gila” oleh Sharif Shaary
Dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berdasarkan petikan di atas, mengapakah Azmir kelihatan ketakutan dan meronta-ronta?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang harus kita lakukan untuk menangani masalah kemurungan dalam kalangan murid sekolah?
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** persoalan yang lain daripada keseluruhan drama.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Prosa Tradisional

Baca petikan Prosa Tradisional di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya kepada Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap bahawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?”

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pujn tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, ***jangan kemakanan matanya***. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba, kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawanan anak isterinya bersungguh-sungguh.”

Dipetik daripada
“Burung Terbang Dipipiskan Lada’
Dalam antologi *Sejadah Rindu*.
Sasbadi Sdn.Bhd.

- (i) Berikan maksud rangkai kata ‘*jangan kemakanan matanya*’

[2 *markah*]

- (ii) Sekiranya anda ialah Tun Perak, apakah tindakan anda untuk memastikan tentera perang lebih bersemangat juang dan menang dalam pertempuran kelak?

[3 *markah*]

- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menaikkan semangat patriotik dalam kalangan anak muda sekarang?

[4 *markah*]

Soalan 2 (d) - Puisi

Baca syair di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

SYAIR BIDASARI

Dengarkan tuan suatu riwayat,
Raja di desa Negeri Kembayat,
Dikarang fakir dijadikan hikayat,
Supaya menjadi tamsil ibarat.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,
Baginda duduk bersuka-sukaan,
Datanglah beroleh kedukaan,
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Ada raja suatu negeri,
Sultan halifah akas bestari,
Asalnya baginda raja yang bahari,
Melimpah ngadil dagang senteri.

Datanglah kepada suatu masa,
Melayanglah unggas dari angkasa,
Unggas gurda sangat perkasa,
Menjadi negeri rosak binasa.

Hairan orang empunya temasya,
Baginda itulah raja perkasa,
Sangat tiada merasai susah,
Entah esok dan lusa.

Datanglah menyambar suaranya bahana,
Gemparlah sekalian mulia dan hina,
Seisi negeri gundah-gulana,
Membawa diri ke mana-mana.

Seri sultan raja bestari,
Setelah ia sudah beristeri,
Beberapa bulan beberapa hari,
Hamillah puteri permaisuri.

Baginda pun sedang dihadap orang,
Mendengar gempar seperti perang,
Bertitah baginda raja yang garang,
“Gempar ini apakah kurang.”

JAMILAH HJ. AHMAD (Penyelenggara)

- i. Berikan maksud *unggas garda* dalam rangkap ke-6 syair di atas.

[2 markah]

- ii. Sebagai rakyat yang prihatin, apakah sumbangan anda kepada mangsa yang ditimpa bencana.

[3 markah]

- iii. Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam syair di atas.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]
Jawab **semua** soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap **perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) mengorak langkah
- (ii) memupuk perpaduan
- (iii) meniupkan semangat
- (iv) menumpukan perhatian
- (v) menyelesaikan masalah
- (vi) memikul tanggungjawab

[6 markah]

(b) Tukar **ayat bersusunan biasa** di bawah kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

1. Kanak-kanak itu mandi di sungai.
2. Kebanyakan orang Asia bertubuh kecil.
3. Bangunan tinggi itu belum tentu selamat.
4. Ibu Raihana sedang sakit tenat di hospital.
5. Kelihatan anak-anak kecil itu berkejar-kejaran di padang.
6. Keadaan suhu di atas Gunung Kinabalu pada awal pagi sungguh dingin.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Isu rumah setinggan yang di duduki oleh pendatang asing di pinggir bandar itu telah saya lapurkan kepada pihak berkuasa.
- ii. Timbalan Menteri Pertanian telah diberi penghormatan untuk melepasi anak-anak ikan ke dalam kolam ternakan semasa beliau merasmikan projek Desa Maju di kampung kami.
- iii. Sawah yang kering-kuntang di daerah itu digenang air kerana hujan lebat sejak seminggu yang lalu.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kerajaan akan memastikan tiada mana-mana gulungan, terutamanya rakyat yang kurang berkemampuan di luar bandar terpinggir di dalam pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia.
- (ii) Ladang milik Pak Deraman sungguh lapang dan ditanami dengan berbagai jenis buahan.
- (iii) Selain daripada menahan lukah, nelayan itu juga menggunakan seutas jala untuk menangkap ikan di Sungai Kadamaian.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Sejak kematian Inan dan Aki Mondou, anak-anak mereka tetap meneruskan kehidupan mereka walaupun terpaksa meminta bantuan daripada orang ramai.
- (ii) Sikap Dr Jesel Ginturun langsung tidak berubah walaupun kini beliau telah berjawatan tinggi. Beliau sentiasa bersikap merendah diri ketika berinteraksi dengan orang bawahannya.
- (iii) Rakan-rakan Lintagu tidak menyenangnya di tempat kerja kerana dia hanya akan melakukan tugas-tugasnya apabila disuruh.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel- novel yang berikut:

- (i) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (ii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (v) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
- (vii) Tirani karya Beb Sabariah
- (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(a) Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** konflik yang dihadapi oleh watak utamanya.

(7 markah)

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, kemukakan **satu** peristiwa yang dapat menggambarkan nilai tanggungjawab yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

(8 markah)